

PANDANGAN DUNIA KUALITI HIDUP KOMUNITI BIDAYUH DI DAERAH SERIAN, SARAWAK

NOVEL ANAK LYNDON

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2011

**PANDANGAN DUNIA KUALITI HIDUP KOMUNITI BIDAYUH DI DAERAH
SERIAN, SARAWAK**

OLEH

NOVEL ANAK LYNDON

Tesis diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah

Jun 2011

PENGHARGAAN

Dengan kerendahan hati dan penuh kepercayaan, saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Tuhan yang maha kuasa kerana memberi kekuatan, keimanan, tawakal dan kesabaran kepada saya untuk menyiapkan disertasi ini dengan jayanya.

Dengan kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Dr. Mohammad Reevani Bin Bustami selaku penyelia utama atas nasihat, bimbingan, sokongan dan galakkan dalam sepanjang pengajian sehingga selesainya kajian ini dijalankan. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Salfarina Binti Abd. Ghapor selaku penyelia bersama atas ketabahan dan kesabaran beliau dalam memberi komen dan cadangan dalam pelbagai peringkat penulisan disertasi ini. Tidak lupa juga, penghargaan yang tidak terhingga turut ditujukan kepada Dr. Ong Beng Kok, Prof. Madya Dr. Chin Yee Wah, Prof. Madya Dr. Sivamurugan Pandian, Dr. James Francis Ongkili, Dr. Sivapalan Selvadurai dan Prof. Madya Dr. Junaenah Solehan atas nasihat dan sokongan yang diberikan dalam sepanjang fasa pengajian ini.

Saya juga seharusnya mengucapkan ribuan terima kasih kepada ketua-ketua kampung di Daerah Serian, pemancha, penghulu, temenggong, Persatuan Kebangsaan Dayak Bidayuh (DBNA), Gereja Paroki St Theresa, Pegawai Daerah Serian, Pegawai Tadbir Daerah Serian, Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Serian, Pejabat Residen Kota Samarahan dan Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Serian atas bantuan dan sokongan dalam sepanjang kajian lapangan dijalankan. Ucapan terima kasih turut

ditujukan kepada komuniti Bidayuh di Daerah Serian atas kesabaran dalam sepanjang temubual dijalankan. Kerjasama mereka amatlah dihargai. Dengan kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Prof Madya Dr. Abd Hair Awang atas bantuan dan sokongan yang diberikan dalam menganalisa data kualitatif. Ucapan terima kasih juga khusus kepada adik saya Noral ak Lyndon dan Cikgu Julian Francis Manggie atas bantuan dalam menguruskan tempat penginapan saya di beberapa buah kampung Bidayuh dalam sepanjang kerja lapangan dijalankan. Ribuan terima kasih turut ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan seperti Sofaz, Moh Aziz, Samila, Syukri, Norasyikin, Suzana, Ezarina dan yang lain-lain atas bantuan dan sokongan yang diberikan.

Ucapan penghargaan terima kasih yang tidak terhingga turut diberikan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia selaku majikan dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia selaku penaja atas sumbangan bantuan kewangan dalam sepanjang pengajian siswazah saya di Universiti Sains Malaysia. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ketua Program Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Rokiah Ismail atas sokongan berterusan yang diberikan oleh beliau dalam sepanjang pengajian. Ucapan terima kasih juga khusus diberikan kepada YB Datuk Richard Riot Jaem, YB Frederick Bayoi Manggie dan YB Datuk Sri Michael Manyin Jawong atas sokongan moral dan idea dalam sepanjang kerja lapangan dijalankan. Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan istimewa kepada kedua ibu bapa saya iaitu En Lyndon Ginchong dan Puan Jimah Mayuh atas sokongan moral dan galakkan serta dorongan dalam sepanjang pengajian siswazah saya di USM.

KANDUNGAN JADUAL

Muka Surat

PENGHARGAAN.....	ii
KANDUNGAN JADUAL.....	iv
SENARAI JADUAL.....	viii
SENARAI RAJAH.....	ix
SENARAI KEPENDEKKAN UNTUK PERKATAAN.....	x
ABSTRAK.....	xi
ABSTRACT.....	xiv

BAB 1 - PENGENALAN

1.1 Pendahuluan.....	1
1.1.1 Permasalahan Kajian.....	3
1.2 Objektif Kajian.....	13
1.3 Persoalan Kajian.....	13
1.4 Skop Kajian.....	14
1.5 Signifikan Kajian.....	16
1.6 Batasan Kajian.....	18
1.7 Struktur Organisasi Tesis.....	19

BAB 2 - TINJAUAN KAJIAN YANG BERKAITAN

2.1 Pengenalan.....	21
2.2 Pembangunan dan Pembangunan Alternatif.....	21
2.3 Pandangan Dunia, Sistem Budaya dan Pengetahuan Tempatan	33
dan Kepentingannya Dalam Pembangunan	
2.4 Pandangan Dunia Beberapa Komuniti Lain Tentang Kualiti Hidup.....	43
2.4 Kerangka Kajian.....	53
2.5 Rumusan.....	56

BAB 3 - DASAR DAN STRATEGI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DI MALAYSIA

3.1 Pendahuluan.....	58
3.2 Ulasan Tentang Dasar dan Strategi Pembangunan Negara.....	61
3.3 Dasar dan Strategi Pembangunan Luar Bandar di Sarawak.....	73
3.4 Rumusan.....	87

BAB 4 - LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

4.1 Pengenalan.....	89
4.2 Latar Belakang Negeri Sarawak Secara Ringkas.....	89
4.2.1 Kedudukan Geografi Negeri Sarawak.....	89
4.2.2 Masyarakat dan Ekonomi di Sarawak.....	93
4.3 Latar Belakang Kawasan Kajian.....	102

4.3.1	Lokasi dan Kedudukan Geografi Daerah Serian Secara Ringkas.....	102
4.3.2	Bidayuh Serian dan Kegiatan Ekonomi.....	106
4.3.3	Demografi Penduduk dan Penempatan Bidayuh.....	112
4.4	Rumusan.....	114

BAB 5 - KAEDEH KAJIAN

5.1	Pengenalan.....	116
5.2	Skop Kajian.....	117
5.3	Definisi Konseptual dan Operasional Kajian.....	119
5.4	Pendekatan dan Strategi Penyelidikan Kajian.....	120
5.5	Pengekalan Kebolehpercayaan dan Ketepatan Konstruk Saintifik.....	127
5.6	Prosedur Kajian.....	131
5.7	Kesahihan dan Kebolehpercayaan Terhadap Data Kajian.....	135
5.8	Kaedah Kajian.....	141
5.8.1	Sumber Data, Jenis dan Bentuk.....	141
5.8.2	Pemilihan Sumber Data.....	142
5.8.3	Pengumpulan Data dan Penentuan Masa.....	146
5.8.4	Temubual Mendalam.....	149
5.8.5	Pengurangan Data dan Analisis.....	150
5.9	Pertimbangan Etika Kajian.....	152
5.10	Rumusan.....	153

BAB 6 - INTERPRETASI PANDANGAN DUNIA KOMUNITI BIDAYUH BERHAMPIRAN BANDAR TENTANG KUALITI HIDUP

6.1	Pengenalan.....	155
6.2	Program Pembangunan SPKR dan Komuniti Bidayuh Serian.....	155
6.3	Jarak Kawasan Tempat Tinggal Responden Dengan Kemudahan.....	157
	Awam	
6.4	Profil Demografi Responden.....	161
6.5	Interpretasi Pandangan Dunia Komuniti Bidayuh Berhampiran.....	165
	Bandar Tentang Kualiti Hidup	
6.5.1	Keupayaan.....	167
6.5.2	Penyertaan.....	173
6.5.3	Keperkasaan.....	177
6.5.4	Keselamatan dan Kemantapan.....	183
6.5.4.1	Rumah.....	183
6.5.4.2	Pendapatan, Mempunyai Wang dan Simpanan.....	185
6.5.4.3	Pendidikan.....	190
6.5.4.4	Pekerjaan.....	192
6.5.4.5	Tanah Adat dan Geran Tanah.....	193
6.5.4.6	Keselamatan.....	197
6.5.4.7	Ketiadaan Hutang.....	201
6.5.4.8	Kebolehsampaian Terhadap Pasaran.....	202
6.5.4.9	Makanan.....	204
6.5.4.10	Kebendaan Untuk Menjalani Kehidupan.....	205
6.5.5	Fizikal dan Kesejahteraan Psikologi.....	207

6.5.5.1	Kesihatan.....	207
6.5.5.2	Kerohanian dan Keagamaan.....	212
6.5.5.3	Harapan dan Impian.....	216
6.5.5.4	Penampilan yang baik	218
6.5.6	Hubungan Keluarga.....	221
6.5.7	Komuniti, Sumber dan Persekutaran.....	225
	6.5.7.1 Kemudahan Infrastruktur dan Perkhidmatan Awam.....	225
	6.5.7.2 Hubungan Dengan Ahli Komuniti, Jiran-Jiran dan.....	227
	Rakan-Rakan	
	6.5.7.3 Kecekapan Pentadbiran Tempatan.....	229
	6.5.7.4 Bantuan Kebajikan Daripada Pihak Kerajaan.....	231
6.6	Rumusan.....	235

BAB 7 - INTERPRETASI PANDANGAN DUNIA KOMUNITI BIDAYUH LUAR BANDAR TENTANG KUALITI HIDUP

7.1	Pengenalan.....	237
7.2	Interpretasi Pandangan Dunia Komuniti Bidayuh Luar Bandar.....	237
	Tentang Kualiti Hidup	
	7.2.1 Keselamatan dan Kemantapan.....	238
	7.2.1.1 Tempat Tinggal atau Rumah.....	239
	7.2.1.2 Pendapatan, Wang dan Simpanan.....	242
	7.2.1.3 Pekerjaan.....	245
	7.2.1.4 Tanah Adat dan Geran Tanah.....	248
	7.2.1.5 Kebolehsampaian Terhadap Pasaran Hasil Pertanian.....	254
	dan Ternakan	
	7.2.1.6 Pendidikan.....	257
	7.2.1.7 Keselamatan.....	261
	7.2.1.8 Ketiadaan Hutang.....	263
	7.2.1.9 Makanan.....	265
	7.2.1.10 Kebendaan Untuk Menjalani Kehidupan.....	268
7.2.2	Komuniti, Sumber dan Persekutaran.....	271
	7.2.2.1 Infrastruktur dan Perkhidmatan Awam.....	271
	7.2.2.2 Hubungan Dengan Ahli Komuniti, Jiran-Jiran dan.....	274
	Rakan-Rakan	
	7.2.2.3 Sokongan Kebajikan.....	276
	7.2.2.4 Kecekapan Pentadbiran Tempatan.....	280
7.2.3	Fizikal dan Kesejahteraan Psikologi.....	283
	7.2.3.1 Kerohanian dan Amalan Keagamaan.....	284
	7.2.3.2 Kesihatan.....	288
	7.2.3.3 Harapan dan Impian.....	292
	7.2.3.4 Penampilan Yang Baik.....	296
7.2.4	Hubungan Keluarga.....	297
7.2.5	Penyertaan.....	301
7.2.6	Keupayaan.....	305
7.2.7	Keperkasaan.....	307

7.3	Perbandingan Antara Aspirasi Pihak Pembuat Dasar dengan.....	312
	Pandangan Dunia Komuniti Bidayuh Tentang Kualiti Hidup	
7.4	Rumusan.....	317
BAB 8 – RUMUSAN DAN KESIMPULAN		
8.1	Pengenalan.....	318
8.2	Rumusan Hasil Kajian.....	318
8.3	Kesimpulan.....	319
8.4	Cadangan Kajian.....	324
	8.4.1 Cadangan Untuk Kegunaan Polisi dan Dasar	324
	8.4.2 Cadangan Untuk Kajian Pada Masa Hadapan.....	330
BIBLIOGRAFI.....		332
LAMPIRAN A.....		382
LAMPIRAN B.....		383

SENARAI JADUAL

	Muka Surat
Jadual 2.1	Model Pembangunan.....
Jadual 2.2	Perbezaan Antara Pengetahuan Tempatan dan Pandangan.....
	Dunia Sains Barat
Jadual 2.3	Perbandingan Antara Kajian Saintifik dan Kajian Pengetahuan.....
	Tempatan
Jadual 2.4	Model Kualiti Hidup.....
Jadual 5.1	Logik Strategi Penyelidikan Abduktif.....
Jadual 5.2	Pemilihan Responden Kajian Berdasarkan Persampelan Kuota.....
Jadual 6.1	Jarak Tempat Tinggal Responden Berhampiran Bandar.....
	Dengan Kemudahan Awam
Jadual 6.2	Jarak Tempat Tinggal Responden Di Kawasan Luar Bandar.....
	Dengan Kemudahan Awam
Jadual 6.3	Taburan Kekerapan dan Peratusan Profil Peserta Program.....
	Pembangunan SPKR Di Kawasan Berhampiran Bandar dan Di
	Kawasan Luar Bandar
Jadual 6.4	Taburan Kekerapan dan Peratusan Profil Peserta Program.....
	SPKR Di Kawasan Berhampiran Bandar dan Di Kawasan
	Luar Bandar
Jadual 6.5	Susunan Kedudukan Tema Kualiti Hidup Komuniti Bidayuh.....
	Yang Tinggal Di Kawasan Berhampiran Bandar Mengikut
	Pilihan Utama
Jadual 7.1	Susunan Kedudukan Tema Kualiti Hidup Komuniti Bidayuh.....
	Di Kawasan Luar Bandar Mengikut Pilihan Utama
Jadual 7.2	Perbandingan Antara Aspirasi Pihak Kerajaan dan Pandangan.....
	Dunia Komuniti Bidayuh Tentang Kualiti Hidup

SENARAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 2.1	Kerangka Kajian Menunjukkan Rekabentuk dan.....	54
	Prosedur Analisis: Persepsi Kualiti Hidup Komuniti	
	Bidayuh di Daerah Serian, Sarawak	
Rajah 4.1	Bahagian dan Bandar Utama di Sarawak.....	90
Rajah 4.2	Peta Kasar Menunjukkan Lokasi Daerah Serian Di Mana.....	105
	Tinjauan Lapangan Dilakukan	
Rajah 5.1	Penghasilan Konstruk Pandangan Dunia Aktor Sosial.....	125
	Tentang Realiti Sosial	
Rajah 5.2	Proses Pengekalan Pandangan Dunia Aktor Sosial Tentang.....	128
	Realiti Sosial	
Rajah 5.3	Gambaran Ringkas Prosedur Pengumpulan Data Dalam.....	132
	Kajian Lapangan	
Rajah 6.1	Kedudukan Kategori dan Tema Kualiti Hidup Pandangan.....	170
	Dunia Komuniti Bidayuh Yang Tinggal Di Kawasan	
	Berhampiran Bandar	
Rajah 7.1	Kedudukan Kategori dan Tema Kualiti Hidup Pandangan Dunia.....	240
	Komuniti Bidayuh Yang Tinggal Di Kawasan Luar Bandar	
Rajah 7.2	Aspirasi Kualiti Hidup Pihak Pejabat Daerah Serian.....	313
	Terhadap Para Peserta Program Pembangunan SPKR	

SENARAI KEPENDEKKAN UNTUK PERKATAAN

DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
DWN	Dasar Wawasan Nasional
GNP	Gross National Product
NCR	Native Customary Right
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
JKKK	Jawatankuasa Kecil dan Keselamatan Kampung
AJM	Ahli Jawatankuasa Masjid
MP	Ahli Parlimen
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
ISP	Indeks Kemajuan Sosial
IKH	Indeks Kualiti Hidup
RRJP	Rangka Rancangan Jangka Panjang
RLT1	Rancangan Lima Tahun Pertama
RLT2	Rancangan Lima Tahun Kedua
RMK9	Rancangan Malaysia Kesembilan
DPP	Draf Rancangan Pembangunan
UMNO	United Malay National Organization
MCA	Malaysian Chinese Association
MARA	Majlis Amanah Rakyat
RIDA	Rural and Industrial Development Authority
SALCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak
SLDB	Lembaga Pembangunan Tanah Sarawak
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
NCL	Native Customary Land
LCDA	Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah Sarawak
RGC	Pusat Pertumbuhan Desa
KPLBKT	Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kemajuan Tanah
PPRT	Program Peningkatan Rakyat Termiskin
DBNA	Dayak Bidayuh National Action
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
MCE	Malaysian Certificate Education
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
PLKK	Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya
PBR	Program Bantuan Rumah
PPP	Program Peningkatan Pendapatan
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
MEB	Model Ekonomi Baru
PTK	Program Transformasi Kerajaan
PTE	Program Transformasi Ekonomi
SCORE	Koridor Pembaharuan Tenaga Sarawak

PANDANGAN DUNIA KUALITI HIDUP KOMUNITI BIDAYUH DI DAERAH SERIAN, SARAWAK

ABSTRAK

Ketidakberkesanan sesuatu program pembangunan untuk meningkatkan kualiti hidup sesebuah komuniti pribumi seringkali dikaitkan dengan sikap kumpulan perencana yang gagal memahami kehendak dan aspirasi kehidupan kumpulan sasaran serta realiti dunia sosial mereka. Oleh sebab itu, objektif kajian ini ialah untuk memahami pandangan dunia komuniti Bidayuh tentang kualiti hidup. Kajian ini telah menggunakan pendekatan fenomenologi menggunakan logik abduktif berasaskan ontologi idealis dan epistemologi konstruksionis. Kajian ini telah dijalankan di Daerah Serian, Sarawak dan merupakan salah satu daripada empat daerah yang berada di bawah pentadbiran Bahagian Samarahan. Populasi kajian ini terdiri daripada dua kumpulan iaitu: i) komuniti Bidayuh yang tinggal di kawasan berhampiran bandar; dan ii) komuniti Bidayuh yang tinggal di kawasan luar bandar.

Sejumlah 100 orang responden telah terlibat dalam kajian ini menggunakan teknik persampelan *non-probability*. Saiz tentang sampel kajian ini telah dicapai melalui sokongan yang berterusan terhadap ukuran atau kriteria tentang ketepuan teoritikal. Data dalam kajian ini telah dikutip dengan menggunakan teknik temubual mendalam dan perbincangan kumpulan secara informal. Hasil kajian mendapati terdapat 23 jenis tema dan tujuh kategori pandangan dunia komuniti Bidayuh yang tinggal di kawasan berhampiran bandar tentang kualiti hidup. Tema keupayaan, penyertaan dan keperkasaaan merupakan tema yang menjadi pilihan utama. Sementara itu, pandangan

dunia komuniti Bidayuh yang tinggal di kawasan luar bandar tentang kualiti hidup juga turut terdiri daripada 23 jenis tema dan tujuh kategori. Tema tempat tinggal, pendapatan, wang dan simpanan, pekerjaan, infrastruktur dan perkhidmatan awam, tanah adat dan geran tanah dan kebolehsampaian terhadap pasaran hasil pertanian merupakan tema yang menjadi pilihan utama komuniti Bidayuh luar bandar. Dapatan kajian juga turut mendapati, walaupun kedudukan kategori kualiti hidup berdasarkan pandangan dunia antara responden yang tinggal di kawasan bandar dan luar bandar berbeza, namun dari segi interperetasi responden terhadap setiap tema-tema yang terdapat dalam kategori-kategori tersebut adalah hampir sama.

Kajian ini juga turut mendapati bahawa wujudnya perbezaan pandangan dunia antara pembuat dasar dan komuniti Bidayuh tentang kualiti hidup. Perbezaan ini timbul disebabkan pandangan dunia kualiti hidup pihak kerajaan dibentuk berdasarkan konstruk teori pembangunan. Sebaliknya, bagi komuniti Bidayuh pula, pandangan dunia mereka tentang kualiti hidup dikonstruk berdasarkan sifat-sifat dunia kehidupan mereka seperti dunia akal waras, dunia kehidupan harian, dunia harian pekerjaan dan realiti kehidupan. Hasil kajian ini secara keseluruhannya konsisten dengan dapatan kajian sarjana sosial sebelum ini tentang wujudnya jurang teoritikal kualiti hidup antara struktur makro dan struktur mikro dalam pembangunan komuniti. Jurang teoritikal ini seterusnya telah dikenalpasti menjadi punca utama kepada ketidakkeberkesanan program pembangunan komuniti yang dijalankan. Cadangan untuk tindakan seterusnya dikemukakan kepada agensi pengembangan, perancang pembangunan dan pembuat dasar agar lebih memberi penekanan terhadap pendekatan bawah ke atas dalam merangka atau merancang sesuatu

program pembangunan komuniti. Kajian yang sama juga haruslah diperluaskan terhadap komuniti kumpulan etnik pribumi minoriti yang lain di Sarawak seperti Kayan, Kadayan, Penan, Bisaya, Kenyah, Lun Bawang, Orang Ulu dan sebagainya. Kategori dan tema-tema yang dikonstruk oleh komuniti Bidayuh ini boleh dijadikan sebagai sandaran atau pentunjuk.

WORLD-VIEW OF QUALITY OF LIFE OF THE BIDAYUH COMMUNITY IN SERIAN DISTRICT, SARAWAK.

ABSTRACT

The ineffectiveness of a development program in increasing the quality of life of an indigenous community is often linked to the attitude of the planners who fail to understand the needs and life's aspirations of the target group as well as the realities of their social world. Therefore, the objective of this study is to understand the world-view of the Bidayuh community about quality of life. This research has drawn on the phenomenological approach utilising abductive logic based on idealist ontology and constructionist epistemology. This study was conducted in the Serian District, Sarawak which is one of the four districts under the administration of Samarahan Division. The population of this study consisted of two groups which were: i) the Bidayuh community living in the suburban areas; and ii) the Bidayuh community living in the rural areas.

A total of 100 respondents were involved in this study using the technique of non-probability sampling. The size of the sample for this study was achieved through the continuous support toward measurement or the criteria on theoretical saturation. Data in this study was collected using the technique of in-depth interview and informal group discussion. The study found that there are 23 types of themes and seven categories of world-view of the Bidayuh community living in the suburban areas about quality of life. The themes of capability, participation and empowerment are the themes that became the main choice. In the meantime, the world-view of the Bidayuh community who lives in the rural area about quality of life also consists of 23 types of themes and seven

categories. The themes of residence, income, money and savings, employment, infrastructure and public services, customary land and land grant and accessibility to agricultural produce market are the themes that became the main choice of the rural Bidayuh community. The findings also showed that even though the position of the categories of quality of life based on world-view between the respondents who live in the suburban and rural areas differ, the respondents' interpretation of each theme contained in those categories are almost similar.

The study also found that there exists a difference in world-view between the policy makers and the Bidayuh community about quality of life. This difference arises because the policy makers world-view of quality of life is formed based on the construct of development theory. In contrast, for the Bidayuh community, their world-view on quality of life is constructed based on the global properties of their lives such as world of common sense, world of daily life, world of daily work and realities of life. These findings are entirely consistent with the findings of previous social scholars on the existence of a theoretical gap in quality of life between the macro structure and micro structure in community development. This theoretical gap was subsequently identified as the main cause to the ineffectiveness of community development programmes undertaken. Suggestions for further action are addressed to the development agencies, development planners and policy makers so as to give more emphasis on the bottom-up approach in designing or planning any community development programmes. A similar study should also be extended to other indigenous ethnic community groups in Sarawak such as the Kayan, Kadaian, Penan, Bisaya, Kenyah, Lun, Bawang, Orang Ulu and

others. Categories and themes that are constructed by this Bidayuh community can serve as backing or guidance.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Objektif utama kajian ini ialah untuk memahami kualiti kehidupan komuniti Bidayuh menurut pandangan dunia komuniti itu sendiri berdasarkan konstruksi mereka tentang realiti, arah mereka dalam mengkonsepsikan dan memberi makna terhadap dunia sosial mereka. Hal ini kerana kajian-kajian lepas jelas menunjukkan bahawa ketidakberkesanan sesuatu program pembangunan untuk meningkatkan kualiti kehidupan sesebuah komuniti khususnya di kawasan luar bandar seringkali dikaitkan dengan sikap kumpulan perencana yang gagal memahami kehendak dan aspirasi kehidupan kumpulan sasaran serta realiti dunia sosial mereka (Shamsul, 1977; Katzner, 1979; Fishers, 1998; Horowitz, 1998; Sen, 1999; Van Wicklin, 2001).

Selain itu juga, penerapan objektif sesuatu rancangan pembangunan lazimnya menonjolkan dua perkara. Pertama, perencananya adalah ahli ekonomi atau yang telah menerima latihan dalam disiplin ekonomi dan kedua ialah kecenderungan terhadap pendekatan konstruk teori Rostow yang mementingkan perubahan daripada tradisional kepada modenisasi yang bersifat unilinear tanpa mengambil kira kesesuaian kepada sesuatu komuniti terutama sekali dari aspek sosiobudaya dan penerimaan terhadap modenisme (Myrdal, 1970; Shamsul, 1977; Sanjaya et al., 2005). Tumpuan utama rancangan pembangunan ialah rancangan pembangunan ekonomi yang hanya mengutamakan pertumbuhan ekonomi dan perubahan sosial sebagai pengukur kejayaan pembangunan (Shamsul, 1977; Sen, 1993). Selain daripada itu juga, sebab utama kajian

ini diberi perhatian adalah kerana amat kurang kajian yang dilakukan terhadap komuniti Bidayuh terutama sekali yang menumpukan kepada konsep kualiti hidup dari sudut pandangan dunia mereka. Keadaan ini sedikit sebanyak telah menyebabkan pemahaman dan pengetahuan tentang keperluan dan kehendak komuniti ini kurang jelas dan seringkali dipinggirkan. Tambahan pula, keperluan dan kehendak adalah merupakan dua konsep yang berbeza. Keperluan merujuk kepada kategori khusus matlamat sejagat yang relevan dengan kesemua manusia dalam usaha untuk mengelakkan diri daripada kehancuran. Manakala, kehendak atau kemauan adalah diperolehi daripada sesuatu yang disukai oleh individu dan persekitaran budaya (Lavers, 2008). Keadaan ini seterusnya telah menyebabkan rancangan-rancangan pembangunan yang direncanakan oleh kerajaan untuk meningkatkan kualiti kehidupan komuniti ini acapkali mengalami kegagalan (Ngidang & Abdul, 1999; Ngidang, 2002). Kesan daripada itu, komuniti ini telah digambarkan oleh orientalis Barat sebagai komuniti yang mempunyai nilai-nilai budaya yang malas, sukar untuk berubah, tidak mempunyai cita-cita yang tinggi, menyerah kepada takdir dan mempunyai ciri-ciri tradisional yang dianggap penghalang kepada pembangunan (Grijpstra, 1971; Abdul Rashid, 1990; Walker, 1998; Minos, 2000; Madeline, 2004). Walaubagaimanapun, gambaran ini pada hakikatnya boleh dipertikaikan kesahihannya.

Faktor lain yang menyumbang kepada kajian ini ialah teoritikal. Kajian sarjana ekonomi, antropologi, psikologi sosial dan sosiologi tentang konsep kualiti hidup sebelum ini seringkali menggunakan orientasi dan konsep yang berbeza. Kajian sosiologi dan antropologi memberi fokus kepada metodologi konstruk pembangunan berdasarkan

model-model yang bercorak konflik dan keseimbangan dalam usaha melihat konsep kualiti hidup, manakala kajian ekonomi pula menekankan pertumbuhan ekonomi dan perubahan sosial berdasarkan metodologi konstruk Rostow, *Stages of Economic Growth*. Kajian psikologi sosial pula memberi penekanan kepada aspek kognitif dan emosional bagi membicarakan konsep kualiti hidup dengan menggunakan persekitaran *free will* iaitu satu persekitaran di mana aktor sosial bertekad untuk bebas daripada kemiskinan. Kajian ini ingin memahami konsep kualiti hidup berdasarkan ontologi interpretivis iaitu aktor mentakrifkan realiti mereka di bawah persekitaran sosial dan sekatan praktikal yang dialami oleh mereka dalam kehidupan harian.

1.1.1 Permasalahan Kajian

Di Malaysia, strategi pembangunan komuniti dan matlamat-matlamat rancangan pembangunan ekonomi luar bandar tidak boleh dipisahkan daripada faktor etnik dan bangsa serta amat berkait rapat dengan struktur kemiskinan (Ishak dan Jomo 1980; Ishak, 1992; Chamhuri & Nor Aini, 1996). Di samping itu juga, ia tidak boleh lari daripada dasar-dasar kerajaan untuk membasmi kemiskinan (Shamsul, 1977; Jamilah, 1992; Reevani & Ellisha, 1999; Ariffin, 2004) dan menghapuskan pengenalan etnik mengikut fungsi ekonomi melalui penyusunan semula strategi pembangunan fizikal kawasan dan pertumbuhan ekonomi di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilaksanakan semasa Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) (Ungku Aziz, 1964; Rahimah, 2004). Isu-isu ini adalah merupakan tunggak kepada pembentukan dasar pembangunan luar bandar dan pembangunan komuniti semenjak negara mencapai kemerdekaan sehingga Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) (Maimunah & Bahaman, 1992; Mohd. Syukri, 1992).

Bentuk pembangunan ini memberikan perhatian secara meluas terhadap pendekatan pertumbuhan ekonomi melalui perubahan berencana berasaskan rancangan pembangunan bagi mengatasi kemiskinan dan kelembapan pembangunan dalam ekonomi luar bandar (Shamsul, 1977; Syukri, 1989).

Rancangan pembangunan melalui perubahan berencana ini kemudiannya telah digunakan secara berterusan dan konsisten pada awal tahun 1980-an sehingga kini sebagai satu alat berkesan bagi menggiatkan pertumbuhan dan menjayakan proses pembangunan ekonomi bandar dan luar bandar dan bagi meningkatkan perkembangan sikap dan perlakuan di kalangan komuniti luar bandar (Chamhuri, 1996; Ong, 2007). Secara ringkas, terdapat dua pendekatan utama yang lazim digunakan oleh kerajaan terhadap pembangunan luar bandar. Pertama, pendekatan praktis iaitu usaha membangunkan sesebuah negara melalui perubahan berencana berasaskan rancangan pembangunan. Kedua, pendekatan teoritis yang merupakan teori atau konstruk metodologi pembangunan yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu model yang bercorak konflik dan keseimbangan (Shamsul, 1977). Pendekatan teoritis dalam bahagian keseimbangan cenderung mengemukakan model-model pembangunan yang mementingkan soal-soal cara hendak mengubah perlakuan individu dan beberapa bahagian dalam sistem (Havens, 1972; Shamsul, 1977). Manakala, pendekatan bercorak konflik pula berpendapat bahawa isu-isu pembangunan bukan sekadar menyelesaikan masalah teknik (eksploitatif dan ketidakseimbangan) dan meninggikan kadar pembangunan sesebuah negara bahkan ia mencakupi bidang yang lebih luas seperti pendidikan, hubungan sosial, struktur ekonomi, pengeluaran, pendapatan dan sebagainya

secara menyeluruh (Shamsul, 1977; Havens, 1972). Pendekatan-pendekatan ini kemudian telah dicerminkan melalui rancangan nasional lima tahun Malaysia menerusi Dasar Ekonomi Baru (1971-1990), Dasar Pembangunan Nasional (DPN) (1991-2000), Dasar Wawasan Nasional (DWN) (2001-2010) serta Wawasan 2020. Kesemua dasar ini telah digubal dan kemudian dibentuk berdasarkan model pembangunan ekonomi kapitalisme, industrialisme dan modenisme Barat dan Eropah (Jomo, 1995; Fenton, 2003; Rahimah, 2004; Abdul Rahman, 2006). Situasi ini telah menyebabkan soal pengagihan ekonomi dan sosial yang lebih adil dan seimbang dari segi pengagihan pendapatan atau kebijakan telah menjadi topik utama yang perlu untuk diberi perhatian (Jomo, 1995; Rahimah, 2004; Abdul Rahman, 2006).

Misalannya, Sen dalam penulisannya yang bertajuk Komoditi dan Keupayaan (*Commodities and Capabilities*) telah memberi justifikasi pernyataan ini dengan memilih India dan China sebagai contoh yang paling dekat (1985). Walaupun kedua-dua buah negara ini mempunyai kadar pertumbuhan KNK (*Gross National Product*) per kapita antara yang terbaik di Asia, namun dari segi fungsi asas iaitu *basic capabilites of survival* dan pendidikan telah wujud ketidakadilan dari segi keupayaan dalam kalangan individu dan kelas sosial seperti keupayaan untuk mengelakkan kadar kematian yang tinggi semasa bayi dan kanak-kanak, keupayaan untuk hidup dalam tempoh yang lama, keupayaan untuk menulis dan membaca, dan keupayaan untuk mengekalkan faedah persekolahan. Sarjana seperti Marx (1952) dan Frank (1967) sebelum ini juga pernah mengkritik sistem ekonomi kapitalis ini dan telah memberi perhatian terhadap isu dalaman kualiti hidup masyarakat. Hal ini kerana sistem ini hanya menguntungkan

golongan elit pemodal, sementara golongan miskin khususnya di kawasan luar bandar akan terus ketinggalan dalam arus pembangunan yang berorientasikan pertumbuhan pesat semata-mata.

Misalannya kajian yang dilakukan oleh Wan Zawawi tentang dilema yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli dan pembangunan merupakan contoh yang terdekat (1998). Pencapaian program pembangunan wilayah yang dijalankan oleh kerajaan bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli tidaklah begitu memuaskan seperti yang dirangkakan, malah dari satu segi telah menyebabkan mereka kehilangan tanah dan hutan sebagai satu simbol kehidupan dan menggugat kesejahteraan kebebasan mereka. Punca utama yang dikaitkan dengan masalah ini ialah tentang konsep kualiti kehidupan masyarakat desa khususnya di kawasan luar bandar lebih tertumpu pada pemahaman yang dikonstruksikan oleh Barat dan negara Eropah serta pembuat dasar melalui pandangan dunia mereka dan bukannya melalui konsep yang dikonstruk daripada pandangan dunia masyarakat luar bandar itu sendiri (King, 1990; Wan Zawawi, 1998; Madeline, 2004). Sebenarnya, konsep kualiti kehidupan dan kedudukan masyarakat desa yang dikonstruksikan dari sudut pandangan dunia mereka mungkin jauh berbeza dengan apa yang difahami dan diperlukan oleh penduduk luar bandar tersebut (Shamsul, 1977; Wan Zawawi, 2001; Madeline, 2004). Manakala, pendekatan kapitalisme yang menggabungkan norma, nilai, pasaran, wang dan undang-undang pula seringkali dijadikan panduan dan indikator untuk mencerminkan peningkatan kualiti kehidupan sesebuah masyarakat luar bandar (Sen, 1993; Scanlon, 2006; Higgs, 2007). Jika ditinjau secara seimbas lalu, masyarakat Malaysia secara umumnya dilihat menggunakan

pendekatan difusionis iaitu salah satu pendekatan yang melihat proses pembangunan dalam masyarakat dari segi dualisme dan menyarankan polisi-polisi pembangunan yang cenderung pada idea dan proses difusi dan integrasi dari masyarakat moden ke tradisional (Shamsul, 1977; Hassan & Rahmah, 1996; Rahimah, 2004; Ong, 2007) Menurut pendekatan ini, masyarakat seharusnya dibahagikan kepada dua bahagian yang terpisah dan tidak bersepadan: pertama, masyarakat tradisional yang mundur, hidup sara diri dan asli atau tempatan (*indigenous*); kedua, sektor moden yang maju dan bersifat industri. Sehubungan dengan itu, ciri-ciri jenis ideal masyarakat moden dan industri menjadi kayu pengukur dan penentuan jenis ideal masyarakat tradisional yang mundur. Dengan kata lain, pembangunan dan modenisasi ekonomi boleh dianggap telah dicapai apabila jenis ideal sesebuah masyarakat tradisional telah mengalami perubahan dan kemudiannya mengamalkan jenis ideal masyarakat moden.

Beberapa orang tokoh sosiologi seperti Myrdal (1970), Sunkel (1973) dan Frank (1974) telah menolak strategi difusinis, dualistik, dan integrasi kerana tidak sesuai untuk dimasukkan dalam rancangan pemodenan ekonomi negara mundur. Kritikan mereka berhubung dengan aspek analisa dan strategi yang sukar untuk difahami. Di samping itu, penghuraian tentang petunjuk kualiti kemunduran amat mengelirukan kerana ia dibina daripada realistik dualistik yang tidak tepat dan merujuk kepada penjelmaan kembali sejarah dan pengalaman proses modenisasi dan pembangunan Barat dari segi rangkaian dan bentuk di negara-negara membangun. Mereka mengambil contoh kes yang berlaku di Brazil, Afrika Selatan, India, dan Mexico yang berlaku ketidakseimbangan pembangunan dari segi kawasan dan timbulnya unsur-unsur manipulasi struktur kuasa yang

berkepentingan dalam rancangan pembangunan mereka. Selain itu, mereka melihat terdapat percubaan untuk menembusi sektor masyarakat mundur melalui penajahan secara tersirat dan bukannya berdasarkan keperluan khusus kepada tempatan iaitu merujuk kepada mempertahankan *status quo* penduduk tempatan tetapi lebih kepada memenuhi tuntutan dan keperluan pihak metropolitan, pemodal atau pihak pelabur dalam usaha memacu ekonomi sektor luar bandar.

Perkara ini turut dijelaskan dengan panjang lebar oleh Sen (2002) melalui kenyataan bahawa *each person is best placed to find out for herself what the best life for her is* dan konsep kualiti hidup masyarakat desa haruslah dikonstruk dengan cara memasuki dunia aktor sosial dan bukannya berlandaskan kepada pandangan dunia dan keperluan pihak metropolitan dan membuat dasar atau pihak pelabur (Sen, 1993). Hal ini kerana tanggungjawab pihak metropolitan, pembuat dasar, pentadbir, dan pihak pelabur hanyalah bertindak terhadap kepentingan dan minat beberapa kumpulan, organisasi, dan individu dalam masyarakat (Sen, 1999; Scanlon, 2006; Lavers, 2008). Oleh itu, untuk memahami dengan jelas realiti sosial sesebuah masyarakat, penyelidik atau pembuat dasar haruslah memasuki dunia masyarakat desa dan mempelajari kemahiran yang digunakan oleh masyarakat ini dalam membina dan mengkonstruk semula realiti sosial kehidupan mereka (Blaikie, 2000; Scanlon, 2006).

Dengan berbuat demikian barulah pengetahuan dan pemahaman yang jelas dan jitu tentang konsep dan realiti sosial kualiti kehidupan masyarakat luar bandar ini dapat diperoleh. Keadaan ini seterusnya akan membantu pihak pembuat dasar dan pentadbir

rancangan bagi merencanakan satu rancangan pembangunan yang dapat memenuhi keperluan dan aspirasi pandangan dunia kumpulan sasaran terutamanya bagi merangka rancangan yang membabitkan etnik Bumiputera minoriti di Sarawak khususnya. Hal ini kerana berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (PPIS) rata-rata etnik Bumiputera minoriti di Sarawak masih lagi mencatatkan tahap tertinggi kemiskinan tegar sebanyak 8.3 peratus dan hampir majoriti daripada mereka ini masih tinggal di kawasan luar bandar dan mengekalkan pertanian sara diri sebagai pekerjaan utama (Sarawak, 2008). Komuniti Bidayuh adalah salah satu daripada kumpulan etnik Bumiputera minoriti ini dan kira-kira 63.8 peratus isi rumah komuniti ini dianggarkan berada di bawah paras kemiskinan tegar yang dikira daripada pendapatan isi rumah kurang daripada RM480 di Sarawak (Sarawak, 2008).

Kajian-kajian lepas secara jelas telah mengaitkan isu kemiskinan di kalangan komuniti Bidayuh ini dengan sikap dan tindak tanduk komuniti Bidayuh itu sendiri yang dianggap malas, tidak mahu berubah, sikap takut mencuba, kurang keyakinan diri dan sukar menerima perubahan (Grijpstra, 1971; King, 1990; Walker, 1998; Minos, 2000). Terdapat juga kajian lain yang menghubungkan isu ini dengan dasar rancangan pembangunan yang terlalu ke depan iaitu melangkaui pemikiran dan kehidupan komuniti Bidayuh itu sendiri (King, 1990; Songan, 1993:1994; Hew Sim, 2001). Sesetengah kajian turut mengaitkan masalah ini dengan kesan tindakan pengambilan tanah hak adat pribumi oleh kerajaan negeri untuk tujuan pembangunan (Minos, 2000) dan kadar keciciran persekolahan yang tinggi (Richard & Jayum, 2004) serta polisi pembangunan DEB dan NDP (*New Development Policy*) yang berat sebelah antara intraetnik iaitu antara

Bumiputera Minoriti dan Melayu (Madeline, 2004). Walau apapun alasan yang diberikan, punca utama yang membawa kepada masalah ini perlu dikaji secara holistik dan menyeluruh agar ia dapat memberi ruang dan keadilan yang sempurna dan tidak prejedis kepada mana-mana pihak. Salah satu daripadanya ialah dengan melihat sama ada rancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan dan agensi yang bertanggungjawab seiring dengan keperluan dan aspirasi pandangan dunia komuniti Bidayuh itu sendiri. Sememangnya, telah banyak kajian dijalankan di Malaysia berkenaan dengan isu-isu kemiskinan dan keberkesanan rancangan-rancangan pembangunan di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang agak sinonim dengan strategi serampang dua mata, iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat (Ungku Aziz, 1964; Maimunah & Bahaman, 1992; Jomo, 1995; Norlaila & Noorasiah, 2003; Chamhuri & Norshamliza, 2006). Terutama sekali dalam usaha menangani isu-isu kemiskinan tegar yang wujud di kalangan Bumiputera khususnya di kalangan etnik Dayak di Sarawak (Ngidang, 2000; Hew, 2000; Madeline, 2004; Richard & Jayum, 2004).

Kajian-kajian ini, mendapati bahawa kegagalan rancangan-rancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia terhadap komuniti luar bandar bukan sepenuhnya disebabkan oleh ketiadaan tindakan atau sikap tidak peduli pihak kerajaan dalam membantu pihak yang miskin (Colin, 2004; Chamhuri & Norshamliza, 2006; Ong, 2007). Tetapi dalam mana-mana kes sebelum ini, kemelut ini timbul disebabkan terdapatnya andaian utama bahawa wujud jurang yang besar antara pihak perancang iaitu pihak kerajaan dengan pihak penerima rancangan pembangunan dari

aspek kesampaian maklumat (Chamhuri, 1985; Chamhuri & Nik Hashim, 1988; Bahaman, 1992; Wan Zawawi, 2001; Ngidang & Abdul Rashid, 1999). Kedua-dua pihak dikatakan mempunyai persepsi yang berbeza bukan sahaja dari segi pendekatan tetapi juga dari segi pemahaman tentang konsep kemiskinan itu sendiri (Wan Zawawi, 1998). Pihak perancang atau perencana program seringkali menggunakan pendekatan simbolik yang lebih bersifat integratif dan holistik. Ia berdasarkan pemerhatian dan bercorak konstruk metodologi yang dibentuk sesuai dengan batasan-batasan disiplin untuk mengkaji aspek-aspek proses dan ke arah perubahan (Shamsul, 1977; Chamhuri, 1985).

Di sebalik itu, pihak penerima rancangan pembangunan pula dikatakan menggunakan pendekatan berdasarkan pengalaman diri, keperluan, dan aspirasi mereka (struktur peringkat mikro). Walaupun begitu, pada hakikatnya masing-masing mempunyai matlamat yang sama untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan tahap kualiti kehidupan (Asnarulkhadi, 1996; Madeline, 2004). Perkara ini merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada kajian ini dilakukan untuk melihat sama ada andaian yang dikemukakan ini tepat atau berkemampuan untuk menerangkan dilema yang menghantui kegagalan rancangan pembangunan yang dilaksanakan di kawasan penempatan komuniti Bidayuh di Sarawak selama ini. Selain itu, kegagalan rancangan pembangunan turut dikaitkan dengan beberapa aspek seperti penekanan terhadap pendekatan atas-bawah yang merupakan pemusatan kuasa tanpa penyertaan aktif ahli-ahli komuniti (Jones, 2003; Xu & Chow, 2006; Sharina & Hood, 2007), pemahaman yang terhad tentang keperluan dan aspirasi penerima rancangan (Songan, 1993; Colin, 2004), struktur pentadbiran yang lemah (Cohen & Uphoff, 1980; Chambers, 1994; Foley &

Martin, 2000), pemahaman yang dangkal dan sempit tentang konseptual dan ukuran kemiskinan (Haris, 2004; Ngidang & Abdul Rashid, 1999), peminggiran terhadap pengetahuan, kepercayaan dan sistem sosial kumpulan sasaran (Robertson, 1984; Fishers, 1998; Sillitoe, 1998, Ong, 2007) dan akhir sekali aspek keperkasaan penduduk (Wandersman, 1981; Itzhaky & York, 2000; Haris, 2004).

Kajian-kajian yang lepas juga turut mengaitkan kegagalan rancangan pembangunan dengan dasar polisi menyeluruh, dasar satu polisi yang digubal dan dilaksanakan untuk kegunaan satu kumpulan atau satu kelas sosial yang kemudiannya digunakan secara menyeluruh terhadap kumpulan atau kelas sosial yang lain (Cohen & Uphoff, 1980; White, 1982; Chambers, 1992, Agrawal, 1995). Rata-rata sarjana tempatan mengkritik polisi ini kerana ia dilihat berat sebelah iaitu memihak kepada satu kumpulan sahaja iaitu golongan elit bandar dan tidak mewakili masyarakat tempatan (Abdul Malik, 1996; Madeline, 2004; Bilson & Wilfred, 2004; Richard & Jayum, 2004). Di sebalik itu, kesesuaianya pula dipertikaikan dan dikatakan lebih mewakili kumpulan majoriti berbanding dengan masalah utama yang dihadapi oleh masyarakat desa (Uphoff, 1991; Chambers, 1994; Shortall, 2004). Sehingga ke hari ini, tidak ada kajian yang secara jelas memberi fokus tentang aspek hubungan antara konsep kualiti hidup yang dikonsepsikan oleh agen-agen pentadbir atau sesuatu program pembangunan (struktur peringkat makro) dengan konsep kualiti hidup yang dikonstruksi daripada pandangan dunia komuniti Bidayuh itu sendiri (struktur peringkat mikro). Aspek hubungan di sini merujuk kepada hubungan antara konsep kualiti hidup yang dikonstruksi di peringkat mikro (komuniti Bidayuh) dengan konsep kualiti hidup yang dikonsepsikan oleh agen-agen pentadbir atau

sesuatu program pembangunan (struktur di peringkat makro) dan juga konsep kualiti hidup yang diperolehi daripada tinjauan literatur. Ini adalah merupakan jurang teoritikal yang ingin diterokai dalam kajian ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan mengambil pendekatan *interpretive*, menggunakan logik abduktif dan temubual mendalam untuk memahami konsep kualiti kehidupan daripada pandangan dunia komuniti Bidayuh itu sendiri dan kemudiannya membina penjelasan daripada pandangan mereka. Pendekatan ini akan menyediakan perbincangan yang lebih baik dan tepat tentang konsep kualiti kehidupan komuniti Bidayuh terutama sekali dalam konsep masalah konseptual di antara pihak perancang rancangan pembangunan dan penerima rancangan program pembangunan iaitu komuniti Bidayuh.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama iaitu:

1. Untuk memahami kualiti hidup komuniti Bidayuh melalui pandangan dunia komuniti Bidayuh itu sendiri.
2. Untuk meneliti sama ada wujud perbezaan pandangan dunia kualiti hidup antara komuniti Bidayuh yang tinggal di kawasan berhampiran bandar dan yang tinggal di kawasan luar bandar.
3. Untuk meneliti sama ada wujud kesamaan atau perbezaan antara konsep kualiti hidup yang dikonstruksi di peringkat komuniti tempatan dengan konsep kualiti hidup yang diaspirasikan oleh agen-agen program pembangunan dalam struktur peringkat makro.

1.3 Persoalan Kajian

Soalan kajian yang berikut seterusnya akan menyediakan fokus dan hala tuju kajian.

1. Apakah kualiti hidup mengikut pandangan dunia komuniti Bidayuh di Daerah Serian, Sarawak?
2. Adakah wujud perbezaan pandangan dunia tentang konsep kualiti hidup dalam kalangan responden? Jika ya, mengapakah wujud perbezaan pandangan ini menurut responden?
3. Adakah pandangan dunia kualiti hidup komuniti Bidayuh mempengaruhi keberkesanan program pembangunan?

1.4 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di Daerah Serian, Sarawak yang terletak kira-kira 64 kilometer ke selatan Bandaraya Kuching dan merupakan sebuah daripada empat daerah yang berada di bawah pentadbiran Bahagian Samarahan, Sarawak. Daerah Serian adalah merupakan daerah yang paling besar dalam Bahagian Kota Samarahan dengan jumlah keluasannya ialah 1,762.4 km persegi. Terdapat tiga faktor utama yang menyebabkan Daerah Serian telah dipilih dalam kajian ini: i) Daerah Serian adalah merupakan daerah yang mempunyai penduduk kumpulan etnik Bidayuh yang terbesar di Sarawak iaitu mewakili kira-kira 60 peratus penduduk keseluruhan kumpulan etnik Bidayuh di Sarawak (Sarawak, 2008); ii) Daerah Serian telah dipilih dalam Program Daerah Sejahtera sejak tahun 2001; dan iii) kedudukan Daerah Serian yang terletak di laluan perjalanan lebuh raya Pan Borneo dan Bandar Mutiara, Tebedu. Kesemua faktor-faktor ini kemudiannya dilihat berpotensi untuk mencorakkan pandangan dunia komuniti

Bidayuh tentang kualiti hidup dan menggambarkan kepelbagaian tingkahlaku sosial dan persepsi komuniti Bidayuh terhadap pembangunan. Secara amnya, terdapat tiga jenis program SPKR yang utama dijalankan di Daerah Serian, Sarawak yang terdiri daripada Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Bantuan Rumah (PBR) dan akhir sekali Program Peningkatan Pendapatan (PPP). Kesemua program ini telah dijalankan di Daerah Serian semenjak tahun 2005 hingga tahun 2009 secara bersepada oleh Bahagian Pembasmian Kemiskinan (BPK), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9). Dalam PLKK, komponen latihan dan kemahiran yang ditawarkan adalah terdiri daripada latihan jahitan, masakan, dandan, gunting rambut, kraftangan dan pemandu pelancong (*Home Stay Programme*). Manakala, dalam PBR pula komponen projek yang ditawarkan boleh dipecahkan kepada tiga kategori utama iaitu membina semula, membaik pulih rumah dan membaiki kerosakan rumah kerana ditimpa bencana seperti banjir dan tanah runtu. Seterusnya dalam PPP, komponen projek yang disediakan adalah menjurus kepada projek ekonomi berdasarkan aktiviti pertanian yang kemudiannya boleh dipecahkan kepada tiga jenis kategori yang utama iaitu: i) projek ekonomi berdasarkan penternakan seperti penternakan ikan air tawar, itik, ayam dan kambing; ii) projek ekonomi berdasarkan tanaman saraan hidup seperti padi, buah-buahan dan sayur-sayuran; dan iii) projek ekonomi berdasarkan tanaman tunai seperti penanaman lada hitam, koko, getah dan kelapa sawit.

Secara keseluruhannya, kajian ini sebenarnya tidak berkemampuan untuk membuat sebarang kesimpulan dan mengeneralisasikan tentang bagaimana komuniti

Bidayuh di Daerah Kuching, Bau, Padawan, Siburan dan Lundu memberiuraian tentang kualiti hidup yang difahami oleh mereka sendiri. Hal ini kerana kajian ini hanya memberi fokus untuk memahami kualiti hidup menurut pandangan dunia komuniti Bidayuh di Daerah Serian sahaja. Sementara itu, komuniti Bidayuh yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada empat kumpulan: i) peserta program SPKR yang tinggal di kawasan luar bandar; ii) peserta program SPKR yang tinggal di kawasan yang berhampiran dengan bandar; iii) bukan peserta program SPKR yang tinggal di kawasan luar bandar; dan iv) bukan peserta program SPKR yang tinggal di kawasan berhampiran dengan bandar. Tujuan utama responden ini dibahagikan kepada empat kumpulan ialah untuk meneliti sama ada wujud perbezaan pandangan dunia tentang kualiti hidup antara komuniti Bidayuh yang tinggal di kawasan berhampiran bandar dengan komuniti Bidayuh yang tinggal di kawasan luar bandar. Selain daripada itu, ia bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang lengkap dan menyeluruh tentang pandangan dunia komuniti Bidayuh tentang kualiti hidup. Pandangan dunia komuniti Bidayuh tentang kualiti hidup ini adalah merupakan hasil daripada ikatan bersama antara konstruk aktor sosial dan konstruk saintifik. Sehubungan dengan itu, sebarang usaha untuk mengaplikasikan hasil kajian ini dengan kumpulan etnik Bumiputera yang lain bagi melihat kerelevannya haruslah disusuli dengan kajian lebih lanjut.

1.5 Signifikan Kajian

Konsep kualiti hidup pada peringkat struktur mikro dan konsep kualiti hidup pada peringkat struktur makro sememangnya tidak boleh dipisahkan penggunaannya dalam rancangan pembangunan. Konsep ini seringkali digunakan bersama-sama dalam mana-

mana kajian sebelum ini. Hal ini kerana konsep ini serupa, terutama sekali dalam kajian sosiologi. Justeru, harapan kajian ini ingin melihat hasil kajian ini dapat memberi pemahaman dan pengetahuan yang jelas tentang hubungan yang wujud antara konsep kualiti hidup yang dikonstruksi daripada akaun komuniti Bidayuh dan konsep kualiti hidup yang dikonsepsikan oleh agen-agen pentadbir atau perencana rancangan pembangunan. Sementara itu, signifikan kajian yang kedua ialah supaya hasil kajian ini kelak menjadi pelengkap kepada beberapa kajian terdahulu tentang komuniti Bidayuh dan isu kemiskinan melalui pendekatan fenomenologi yang satu pendekatan yang mempelajari tentang kehidupan, fenomena manusia dalam lingkungan konteks harian sosial yang fenomena itu terjadi daripada pandangan dunia seseorang yang pernah merasai pengalaman tersebut (Walsh & Lehnert, 1972; Spiegelberg & Schuhmann, 1982). Selain daripada itu, kajian ini turut diharap dapat membantu ahli-ahli-ahli komuniti Bidayuh khususnya di kawasan luar bandar dengan menghubungkan konsep kualiti hidup yang dikonstruksi daripada pandangan dunia mereka (dalam peringkat mikro) dengan konsep kualiti hidup yang dikonsepsikan oleh agen-agen pentadbir di peringkat makro. Pemahaman dan pengetahuan yang jelas tentang konsep kualiti hidup komuniti Bidayuh di peringkat mikro akan membantu pihak pembuat rancangan dan agensi-agensi yang bertanggungjawab untuk merangka rancangan pembangunan yang lebih berkesan dan efektif untuk komuniti ini.

Selain itu, ia dapat membantu memantapkan lagi mekanisme pelaksanaan rancangan pembangunan yang sudah sedia ada wujud dan sekaligus memperkasakan penyertaan komuniti Bidayuh dalam rancangan pembangunan. Hasil kajian ini juga, akan

dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada agensi kerajaan sama ada di peringkat pusat, negeri, bahagian, dan daerah agar lebih bersifat terbuka dan mengamalkan pendekatan bawah ke atas dalam dasar pembangunannya supaya satu pedekatan yang memperluaskan keupayaan orang miskin untuk mempengaruhi institusi-institusi awam dengan memperkuatkan penyertaan mereka sebagai kumpulan sasaran pembangunan dalam proses politik dan membuat keputusan tempatan. Kajian ini juga penting dilakukan kerana hasil kajian ini kelak dapat menyumbang kepada khazanah ilmu tentang komuniti Bidayuh yang sedia wujud dan kepada pembangunan teori sosial iaitu jenis ideal komuniti Bidayuh tentang kualiti hidup. Akhir sekali, hasil kajian ini diharap dapat menutup ruang-ruang kosong di antara kajian lepas dan teori tentang kualiti kehidupan masyarakat tempatan di peringkat mikro.

1.6 Batasan Kajian

Terdapat tiga batasan utama kajian ini. Batasan yang pertama ialah dari segi data kajian. Data dalam kajian ini hanya dikutip dengan menggunakan temubual mendalam. Sehubungan dengan itu setakat mana pandangan dunia komuniti Bidayuh tentang kualiti hidup dalam kajian ini hanya difahami berdasarkan data yang diperolehi daripada temubual mendalam sahaja. Seterusnya, batasan kedua dalam kajian ini ialah dari segi generalisasi dapatan kajian. Kajian ini dijalankan di Daerah Serian, Sarawak. Responden dalam kajian ini dipilih menggunakan kaedah persampelan *non-probability* yang terdiri daripada persampelan kuota, persampelan bertujuan, persampelan *snowball* dan persampelan teoritikal. Oleh sebab itu, dapatan kajian ini terbatas kepada sampel yang dikaji dan tidak dapat digeneralisasikan kepada daerah penempatan utama Bidayuh yang

lain seperti Daerah Lundu, Bau, Padawan, Penrisen dan Kuching. Akhir sekali batasan ketiga dalam kajian ini ialah dari segi pendekatan kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan fenomenologi dengan menganggap bahawa realiti sosial perlu diasaskan atau dibentuk di atas objek pemikiran yang dikonstruksikan oleh akal waras pemikiran orang, perjalanan kehidupan harian orang tersebut dan haruslah berada dalam lingkungan dunia sosial orang itu sendiri. Atas dasar tersebut dapatan kajian ini adalah terbatas kepada andaian ontologikal yang menggambarkan kualiti hidup sebagai pembentukan atau konstruksi sosial oleh aktor sosial.

1.7 Struktur Organisasi Tesis

Tesis ini pada keseluruhannya telah dibahagikan kepada lapan bab yang utama. Bab yang pertama memberi fokus kepada perbincangan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif dan persoalan kajian, skop kajian, dan signifikan kajian ini dijalankan. Matlamat bab pertama ini untuk memperkenalkan secara ringkas dan padaturaian sifat permasalahan yang ingin dibuat penelitian. Hal ini kerana permasalahan ini merupakan persoalan intelektual yang perlu diterokai oleh penyelidik. Dalam bab dua, perhatiannya lebih tertumpu kepada perbincangan tentang pembangunan dan pembangunan alternatif, pandangan dunia, sistem budaya dan pengetahuan tempatan dan kepentingannya dalam pembangunan, pandangan dunia komuniti lain tentang kualiti hidup dan akhir sekali kerangka kajian. Seterusnya dalam bab tiga, topik perbincangan ditumpukan kepada dasar dan strategi pembangunan luar bandar di Malaysia dan Sarawak yang secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua fasa transformasi yang terdiri daripada transformasi pertama bermula dari tahun 1957 hingga tahun 1994, dan

transformasi kedua bermula dari tahun 1994 hingga tahun 2020. Di sebalik itu, dalam bab empat, aspek perbincangan lebih tertumpu ke arah untuk memahami secara ringkas latar belakang kawasan kajian yang merangkumi kedudukan geografi negeri Sarawak, masyarakat dan ekonomi, kedudukan geografi Daerah Serian, kegiatan ekonomi komuniti Bidayuh dan akhir sekali demografi penduduk. Dalam bab lima pula, fokus utamanya ditumpukan kepada isu metodologi dan kaedah yang telah dipilih untuk digunakan dalam kajian ini. Lapan komponen utama yang dibincangkan dalam bab ini termasuklah definisi konseptual dan operasional kajian, pendekatan fenomenologi dan strategi penyelidikan kajian, pengekalan kebolehpercayaan dan ketepatan konstruk saintifik, prosedur kajian, kesahihan dan kebolehpercayaan data, kaedah kajian dan akhir sekali pertimbangan etika dalam kajian.

Seterusnya dalam bab enam, aspek yang dibincangkan terdiri daripada perbincangan tentang program pembangunan SPKR dan komuniti Bidayuh di Daerah Serian, Sarawak, jarak kawasan tempat tinggal responden dengan kemudahan awam, profil demografi responden dan interpretasi pandangan dunia komuniti Bidayuh berhampiran bandar tentang kualiti hidup. Dalam bab tujuh pula, aspek yang dibincangkan terdiri daripada interpretasi pandangan dunia komuniti Bidayuh luar bandar tentang kualiti hidup dan perbandingan antara aspirasi pihak kerajaan dengan pandangan dunia komuniti Bidayuh tentang kualiti hidup. Sementara itu dalam bab lapan pula, perbincangannya lebih banyak menyentuh tentang tiga bahagian utama iaitu rumusan, kesimpulan dan cadangan kajian.

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN YANG BERKAITAN

2.1 Pengenalan

Bab ini secara keseluruhannya telah dibahagikan kepada empat bahagian utama seperti berikut: i) perbincangan tentang pembangunan dan pembangunan altenatif; ii) pandangan dunia, sistem budaya dan pengetahuan tempatan dan kepentingannya dalam pembangunan; iii) pandangan dunia beberapa komuniti lain tentang kualiti hidup; iv) kerangka kajian; dan v) rumusan.

2.2 Pembangunan dan Pembangunan Alternatif

Selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua, konsep pembangunan telah menjadi sinonim dengan tema-tema seperti pembangunan ekonomi (Seers, 1977; Hulme & Turner, 1990; Welch, 1991), pembangunan industri dan teknologi (Chambers, 1997; Pieterse, 2000; Therborn, 2004), pembangunan sosial (Friedmann, 1992; Christens & Speer, 2006), perancangan pembangunan (Lipton, 1982; Escobar, 1992), sains (Alvares, 1992; Sillitoe, 2000) dan pengeluaran (Harrison, 1982; Harriss, 1982; Roberts, 1995). Tema-tema ini kemudiannya telah dijadikan sebagai objektif utama dalam jentera dan dasar pembangunan mana-mana kerajaan yang memerintah khususnya di negara Dunia Ketiga (Christens & Speer, 2006; McGregor, 2007). Pada mulanya takrifan pembangunan¹ memberi fokus kepada pertumbuhan ekonomi dan mereplikakan atau

¹ Pembangunan adalah merupakan objektif yang paling hadapan dalam mana-mana kerajaan yang memerintah. Agensi multilateral telah menyediakan jumlah wang yang banyak untuk menghasilkan pembangunan. Organisasi bukan kerajaan telah ditubuhkan untuk meyalurkan wang untuk pengagihan. Polisi pembangunan telah dirumus secara teratur dan perancangan pembangunan telah dilakarkan. Buktinya

menyerapkan susunan ekonomi, teknologi, sosial dan politik yang telah digunakan di negara maju seperti Amerika, Eropah dan Jepun untuk ditiru, diikuti dan diaplikasikan ke atas negara kurang membangun (Hulme & Turner, 1990:5; Sachs, 1992:4; Xu & Chow, 2006:199; Brie, 2009:26). Namun, apabila terdapat bukti bahawa negara kurang membangun tidak mengalami pemodenan seperti yang telah dialami oleh negara maju, maka takrifan pembangunan berorientasikan model pertumbuhan Barat telah mula dikritik, diperdebatkan, ditolak, dan dicadangkan untuk difikirkan semula (Hulme & Turner, 1990; Sachs, 1992; Esteva, 1992; Ishak, 2006; Zell, 2007).

Antara kritikan yang dilontarkan ialah walaupun pertumbuhan ekonomi merupakan syarat perlu untuk mengurangkan kemiskinan, namun ia bukanlah satu-satunya syarat yang mencukupi kerana pembangunan belum dapat membayangkan adanya agihan sumber yang saksama, kebebasan daripada penindasan, eksloitasi ataupun penyertaan yang sama rata di dalam aspek ekonomi dan politik (Esteva, 1985; Rahimah, 1989; Zell, 2007). Malah, dalam sesetengah keadaan, model pembangunan keseimbangan melalui pendekatan difusionis iaitu modenisasi telah meningkatkan jurang ketidaksamaan pendapatan (Sachs, 1992; Rahimah, 1989), penularan masalah kemiskinan (Chenery et al., 1974; Esteva, 1992; Todaro & Smith, 2009), eksloitasi terhadap kaum buruh yang tidak memiliki hak atau peluang (Goldfrank, 2000), mengganggu keseimbangan alam sekitar (Kothari, 1988; Escobar, 1992; Brie, 2009) dan melebarkan jurang kedudukan antara yang kaya dan yang miskin dalam masyarakat bandar dan luar

beberapa program pembangunan dan projek pembangunan diperkenalkan seperti pembangunan industri, pembangunan luar bandar, pembangunan bandar, pembangunan institusional dan pembangunan sosial. Negara dunia pula kemudiannya telah dibahagikan kepada negara maju, negara kurang maju, negara paling sedikit membangun dan negara mundur.

bandar (Shortall, 2004; Brand & Sekler, 2009). Hal ini kerana sasaran awal yang cuba diruntuhkan oleh proses pemodenan ialah nilai-nilai atau aspek-aspek yang berkaitan dengan sifat tradisional (Todaro, 1987; Vannebo, 2003). Keadaan dalam tradisional dianggap statik atau jumud dan dipacu oleh adat resam yang dikunci dan diperkuuhkan oleh sistem politik yang bercorak authoritarianisme (Shamsul, 1977; Kaltoft, 2001; Schefold, 2005). Bahkan, modenisasi pula selalu dianggap sebagai antitesis (lawan) tradisi (Rahimah, 1989). Oleh itu, tiada nilai tradisi yang dapat wujud bersama-sama dengan nilai moden (Sachs, 1992; Escobar, 1992).

Menurut Kaltoft (2001) dan Woo (2008), satu-satunya pilihan untuk memodenkan sesebuah masyarakat mengikut skema permodenan barat ialah meninggalkan sama sekali unsur-unsur tradisional. Semua perubahan dalaman ini dianggap kunci perubahan yang penting kerana masyarakat tradisional disaluti oleh ciri-ciri keusangan dan lapuk dalam nilai, kepercayaan, sikap, dan perwatakan anggota-anggotanya (Wallerstein, 1995; Hesse, 2007; Woo, 2008). Proses modenisasi² yang berteraskan kapitalisme barat akan menyebabkan negara-negara yang mulanya mengamalkan sistem ekonomi tradisional terpaksa mengorbankan beberapa budaya seperti tradisi mereka, teknologi, pengetahuan tempatan dan identiti mereka sendiri (Chee, 1997; Chambers, 1997; Dove, 2006). Contoh yang paling ketara ialah kesan yang menimpa masyarakat Orang Asli di Malaysia dan masyarakat Korea. Misalannya, Wan Zawawi (1998) dalam kajiannya tentang dilema

² Modenisasi dikenali sebagai agama baru anutan orang Barat (Rist, 1990); proses membaratkan dunia (*world Westernization*) berasaskan acuan dan model barat (Sachs, 1992; McGregor 2007), pendekatan untuk menerima sains barat sebagai satu kuasa utama (Nandy, 1988), pembudayaan pembaratan dan pengekalan barat khususnya Amerika sebagai kuasa homogen (Constantino, 1985; Kothari, 1988; Ishak, 2002), dan akhir sekali niat dan cadangannya yang mengindustrialisasikan dunia berdasarkan ideologi pembangunan barat dan aspirasinya yang condong ke arah mengangkat golongan pelabur atau pemodal (Sachs, 1992).

yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli mendapati bahawa modenisasi yang dipaksakan ke atas mereka telah menyebabkan mereka tidak lagi berkebolehan mempraktikan sains (ilmu) dan teknologi (peralatan tradisional) yang pernah mereka warisi daripada nenek moyang mereka. Malah, pengetahuan tentang herba dan tumbuhan hutan yang dulunya menjadi sebahagian daripada habitat mereka juga turut hilang.

Hal ini berlaku kerana penempatan dan cara hidup baru yang diperkenalkan kepada mereka menjauhkan batin dan fizikal mereka dengan ilmu-ilmu tradisional. Manakala di Korea pula, Woo (2008) dalam kajiannya tentang kemodenan, pasca kemodenan dan Konfusianisme mendapati bahawa pemodenan telah menyebabkan budaya Konfusianisme dari segi struktur hierarki, sistem patriarki dan keluarga telah diubah, agar selari dengan ideologi pemodenan barat. Pendekatan difusionis melalui modenisasi ternyata mempunyai banyak kelemahan sehingga timbul teori alternatif yang merupakan antitesis kepada teori modenisasi iaitu teori kebergantungan yang dipengaruhi oleh ideologi Marxisme yang menekankan hubungan eksploitasi antara negara kaya dengan negara miskin dari segi kuasa perundingan dalam teknologi dan perdagangan (Dos Santos, 1971; Clammer, 2000). Di samping itu, teori kebergantungan dikatakan mewakili “suara negara-negara pinggiran” untuk menentang hegemoni ekonomi, politik, budaya, dan intelektual negara maju (Frank, 1974). Walau bagaimanapun, pengaruh teori ini telah menurun pada awal tahun 1980 an disebabkan haluan politik yang wujud dalam negara maju dan kegagalan sebahagian besar negara kuasa besar menguruskan ekonomi mereka (Jeong, 1995; McGregor, 2007). Di samping itu, tidak ada jalan penyelesaian yang konkret dicapai tentang masalah hutang negara, penurunan subsidi harga barang

makanan dan ketidakseimbangan makroekonomi yang wujud dalam masyarakat miskin khususnya tentang keperluan asas manusia (Jeong, 1995).

Seterusnya, tahun-tahun 1990-an telah menyaksikan wujudnya proses penstrukturran semula besar-besaran dalam teori pembangunan lazim dan penolakan sepenuhnya idea aliran utama pembangunan³ yang berasaskan pertumbuhan ekonomi dan modenisasi, kesan lelehan dan kapitalisme⁴ pasaran dalam kalangan sarjana pembangunan seperti dari Negara Amerika Latin (Esteva, 1985; Escobar, 1992), India (Nandy, 1988; Kothari, 1988; Vishvanathan, 1988; Alvares, 1992), Malaysia (Ishak, 2002; Rahimah, 2004; Abdul Rahman, 2006), Perancis (Latouche, 1993), Switzerland (Rist, 1990), Jerman (Sachs, 1992) dan England (Seabrook, 1994). Mereka telah mula menerima hakikat bahawa pembangunan sejagat telah berakhir dengan kegagalan dan telah menemui jalan buntu, dan telah mati di beberapa buah negara membangun khususnya di Amerika Latin. Contoh yang paling dekat diambil oleh sarjana pembangunan ialah formula neo-liberalisme yang dipelopori oleh kumpulan bergelar *Chicago Boys* dan diamalkan secara bebas di Chile semasa pemerintahan Pinochet yang kemudiannya telah menyebabkan negara tersebut mengalami krisis ekonomi yang teruk, yang miskin bertambah miskin, timbulnya masalah kekurangan makanan dan rakyatnya mengalami kemerosotan kualiti hidup dari segi ekonomi, sosial, dan politik (Berthoud, 1992; Kothari, 2005).

³ Aliran utama pembangunan adalah merujuk kepada pembangunan yang diukur berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) (Korten, 1990; Pieterse, 1997). Selepas tahun 70an, pembangunan telah ditakrifkan semula sebagai peningkatan pilihan individu dan kapasiti masyarakat serta keperluan asas (Sen, 1985). Indeks pembangunan manusia telah menjadi ukuran yang paling berpengaruh dalam kerangka pembangunan (Henderson, 1996) dan pembangunan berpusatkan orang telah menjadi topik hangat dalam perbincangan tentang pembangunan (Pieterse, 2000).

⁴ Kapitalisme adalah merupakan hubungan antara pembeli dan penjual kuasa buruh. Sistem kapitalis adalah merupakan struktur sosial yang wujud hasil daripada hubungan tersebut.